MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEENAM

TARIKH : **28 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)**

MASA : **9.00 PAGI**

TEMPAT : **BILIK WACANA PUTRA 3, ARAS 2, BANGUNAN PEJABAT TNCPI, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

KEHADIRAN : **LAMPIRAN A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
6.1	**ALUAN PENGERUSI** Pengerusi: 6.1.1 mengalu-alukan kehadiran penasihat dan ahli jawatankuasa kerja serta wakil ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Keenam; 6.1.2 memaklumkan tujuan mesyuarat kali ini adalah untuk membincangkan mengenai beberapa perkara berbangkit hasil penemuan Audit Dalaman dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISMS tahun 2017; dan 6.1.3 merakamkan ucapan tahniah kepada pihak UPM Kampus Bintulu (UPMKB) atas kelancaran proses audit pada 6 September 2017 sehingga pihak Juruaudit SIRIM mengesyorkan untuk proses perluasan entiti ISMS ke UPMKB bagi skop Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah pada tahun 2017.	 **Makluman** **Makluman** **Makluman**
6.2	**PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KEEMPAT DAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013**	

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	KALI KELIMA (KHAS) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Keempat yang diadakan pada 3 Mei 2017 dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Kelima (Khas) yang diadakan pada 29 Mei 2017 disahkan tanpa sebarang pindaan.	**Makluman**
6.3	**PERKARA BERBANGKIT** 6.3.1 Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Keempat dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Kali Kelima (Khas) adalah seperti pada **Lampiran B.** 6.3.2 Mesyuarat mengambil maklum kesemua perkara yang memerlukan tindakan telah dilaksanakan oleh peneraju yang terlibat.	**Makluman** **Makluman**
6.4	**LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** Mesyuarat: 6.4.1 mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat tahun 2017 adalah seperti mana perincian di **Lampiran C**. 6.4.2 mengambil maklum bahawa perubahan terhadap objektif keselamatan maklumat daripada lima (5) objektif kepada empat (4) objektif telah mula dipantau dan diukur keberkesanannya bermula pada 26 Mei 2017. 6.4.3 meneliti dan bersetuju supaya penyataan bagi dua (2) daripada empat (4) objektif keselamatan maklumat tahun 2017 dipinda dengan menyusun semula perkataan (reword) supaya lebih jelas menggambarkan pengukuran yang dikehendaki tanpa memberi kesan terhadap pengukuran yang telah dibuat. Objektif keselamatan maklumat yang terlibat adalah seperti berikut:	**Makluman** **Makluman** **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN

Bil	Penyataan Objektif Asal	Penyataan Objektif Baharu
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	Memastikan pelajar prasiswazah yang mengemukakan tawaran yang sah dibenarkan mendaftar
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian

6.4.4 bersetuju meluluskan kesemua pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengrusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 tahun 2017. Bagi tujuan penambahbaikan, mesyuarat mencadangkan beberapa tindakan susulan dibuat oleh peneraju ISMS yang terlibat seperti berikut: **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti**

(a) menyediakan laporan terperinci untuk proses simulasi DRP Sistem SMP yang dijalankan pada 12 Mei 2017; **Peneraju Pusat Data**

(b) menyediakan senarai semak untuk pengukuran proses *Service Level Agreement* (SLA) 95.0 Sokongan ICT Pusat Data terhadap proses pendaftaran pelajar bebas daripada gangguan; dan **Peneraju Pusat Data**

(c) mencadangkan mesyuarat *post-mortem* dibuat terhadap pelaksanaan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018. **Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
6.5	**LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** Mesyuarat: 6.5.1 mengambil maklum laporan cadangan pindaan dokumen Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 iaitu bagi *Statement of Applicability* (SoA) adalah sepertimana pada **Lampiran D.** 6.5.2 mengambil maklum secara keseluruhan, perubahan terhadap SoA adalah berdasarkan kepada keperluan berikut, iaitu: (a) penemuan Audit Dalaman ISMS tahun 2017; (b) perubahan kod dokumen; (c) perubahan terhadap Akta/Peliling yang dirujuk; dan (d) pembetulan terhadap kaedah kawalan (current control). 6.5.3 meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan pindaan dokumen SoA yang dikemukakan dan akan dikuatkuasakan pada tarikh 13 Oktober 2017. 6.5.4 meminta supaya semua peneraju mengambil perhatian dan tindakan terhadap kawalan yang dinyatakan dalam SoA yang perlu dilaksanakan oleh setiap peneraju ISMS. Dokumen SoA terkini boleh dirujuk melalui Portal e-ISO UPM. 6.5.5 mengambil maklum bahawa aktiviti pendaftaran pelajar baharu prasiswazah berada di bawah bidang kuasa Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) manakala aktiviti berkaitan akademik berada di bawah bidang kuasa Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).	**Makluman** **Makluman** **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC** **Semua Peneraju ISMS** **Makluman**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
6.6	**LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** Mesyuarat: 6.6.1 mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 mengambilkira perluasan skop penilaian pengajaran dan pengurusan harta intelek adalah sepertimana di **Lampiran E**. 6.6.2 mengambil maklum terdapat sebanyak 938 aset telah dinilai dengan jumlah ancaman sebanyak 1472. Hasil penilaian mendapati 23 aset berisiko tinggi, 399 aset berisiko sederhana dan 1050 aset berisiko rendah. 6.6.3 meneliti dan bersetuju meluluskan Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko ISMS (Semakan September 2017).	**Makluman** **Makluman** **Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan**
6.7	**LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS** 6.7.1 Mesyuarat meneliti laporan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat setiap peneraju ISMS yang merangkumi maklumat struktur organisasi, pelaksanaan aktiviti ISMS anjuran peneraju ISMS dan status penutupan penemuan Audit Dalaman dan SIRIM. Perincian mengenai pelaporan setiap peneraju adalah seperti di **Lampiran F**. 6.7.2 Mesyuarat meminta semua peneraju memastikan rekod berkaitan aktiviti ISMS yang dianjurkan disimpan dan diselenggara dengan baik bagi memudahkan rujukan semasa proses audit atau sekiranya diperlukan. 6.7.3 Mesyuarat meminta supaya templat pelaporan setiap peneraju ISMS dikemaskini dengan menambah ruangan hasil anjuran aktiviti ISMS oleh setiap peneraju yang mempengaruhi pelaksanaan ISMS.	**Makluman** **Semua Peneraju ISMS** **Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	6.7.4 Mesyuarat mengambil perhatian bahawa tarikh kuatkuasa bagi perluasan skop Penilaian Pengajaran dan Pengurusan Harta Intelek adalah pada 1 Januari 2018 sebagaimana yang telah dipersetujui semasa sesi perbincangan dengan Datin Paduka Naib Canselor pada 2 Jun 2017. Justeru, data bagi kedua-dua peneraju yang akan diaudit adalah bermula pada 1 Januari 2018. Bagi melancarkan lagi persediaan perluasan skop berkenaan, mesyuarat meminta supaya peneraju perluasan skop mengadakan taklimat kesedaran kepada staf di PTJ masing-masing berkaitan pelaksanaan ISMS.	**Peneraju Penilaian Pengajaran & Peneraju Pengurusan Harta Intelek**
6.8	**HAL-HAL LAIN** **6.8.1 Persediaan Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM Tahun 2017** (a) Mesyuarat mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 2 ISMS SIRIM akan diadakan pada 2 hingga 3 Oktober 2017. Audit ini merupakan sambungan kepada audit yang telah dilaksanakan pada 6 September 2017 di UPM Kampus Bintulu. Perincian mengenai maklumat audit adalah seperti di **Lampiran G**.	**Makluman**
	(b) Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) orang Juruaudit SIRIM yang akan diketuai oleh Puan Sazlin Alias dan dibantu oleh Puan Efizan Zamri dan Puan Hidayatini Sarmin akan hadir melaksanakan audit pada kali ini.	**Makluman**
	(c) Mesyuarat mengambil maklum senarai Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang akan diaudit adalah seperti berikut: (i) Pusat Jaminan Kualiti; (ii) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi; (iii) Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik; (iv) Bahagian Hal Ehwal Pelajar; (v) Perpustakaan Sultan Abdul Samad; (vi) Pejabat Pendaftar; (vii) Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi; dan (viii) Pejabat Penasihat Undang-Undang.	**Makluman**
	(d) Mesyuarat meminta supaya Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah melaksanakan tindakan	**Peneraju Pendaftaran**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	berikut: (i) menyediakan slaid penerangan berkaitan proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 untuk dibentangkan semasa hari audit di Bahagian Hal Ehwal Pelajar; (ii) menyemak kaedah penyimpanan rekod yang terlibat selepas proses pendaftaran pelajar selesai (softcopy/hardcopy); (iii) memastikan pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap entiti di bawah Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dijemput sama semasa sesi audit. Senarai nama pegawai yang terlibat adalah seperti berikut: • Encik Mohd Nazri Noh (BHEP); • Encik Abdul Ghani Yon (BHEP); • Encik Hanis Johari (BHEP); • Puan Suhana Md Chairi (AKAD); • Puan Mazitah Ahmad (BUR); • Dr. Latif Anwar (BKU); • Encik Mohd Nidzam Ismail (BKU); • Encik Mohd Junaidi Haji Yasin (KTDI); • Puan Askina Aziz (K5); • Dr. Suhyna Mohamad Sulaiman (PKU); dan • Puan Rosliza Ibrahim (iDEC).	**Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)**
	(e) Mesyuarat meminta semua ahli mengambil perhatian terhadap keperluan Klausa 4.2 berkaitan *legal & regulatory requirement*. Mesyuarat mencadangkan supaya surat/panduan dikeluarkan berkaitan pematuhan terhadap klausa ini pada tahun hadapan.	**Pengerusi/ Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti**
	6.8.2 Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman ISMS 2017 (NCR/OFI)	
	(a) Mesyuarat mengambil maklum status penutupan bagi 14 Laporan Ketakakuran (NCR) dan 13 Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Dalaman ISMS Tahun 2017 adalah sepertimana yang dipaparkan melalui Portal Audit Dalaman.	**Makluman**
	(b) Mesyuarat mengambil maklum sehingga 28 September 2017, empat (4) NCR telah ditutup manakala selebihnya dalam proses tindakan di peringkat peneraju termasuk	**Makluman**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	dua (2) yang dimohon untuk digugurkan. Pemantauan ke atas penutupan dibuat dari masa ke semasa oleh Penyelaras Audit Dalam UPM. (c) Mesyuarat meminta peneraju ISMS yang telah lengkap melaksanakan tindakan supaya memuatnaik bukti tindakan ke dalam Portal Audit Dalaman bagi membolehkan NCR/OFI disemak dan ditutup oleh Juruaudit yang terlibat.	**Peneraju ISMS yang terlibat**
6.9	**PENANGGUHAN MESYUARAT** Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KEENAM

HADIR

1. Encik Mohd Faizal Daud **- Pengerusi**
2. Encik Rosmi Othman (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Tuan Haji Rosdi Wah (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
4. Encik Shahril Iskandar Amir
   (Peneraju, Pasukan Pusat Data)
5. Encik Shahriman Hashim
   (Peneraju, Pasukan Pengurusan Harta Intelek)
6. Puan Yasminani Mohamad
   (Peneraju, Pasukan Penilaian Pengajaran)
7. Puan Nurul Fatihah Md Marham (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
8. Puan Shamriza Shari **- Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Puan Noorizai Haji Mohamad Noor (Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, CQA)
2. Encik Abdul Ghani Yon (Wakil Encik Mohd Nazri Noh)
3. Puan Hairunisah Abdul Rahman (Wakil Dr. Aryaty Alwie) - *melalui Video Konferen*

TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN

1. Encik Mohd Nazri Noh
   (Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Serdang)
2. Dr. Aryaty Alwie
   (Peneraju, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Kampus Bintulu)
3. Puan Hashimah Amat Sejani (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)

LAMPIRAN B

TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS), KALI KEEMPAT PADA 3 MEI 2017

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
1.	**4.3.2**	**PERKARA BERBANGKIT** 4.3.2 Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut, iaitu: **(a) Minit 2.3 (b)** - meminta supaya semua peneraju ISMS mengambil perhatian terhadap kehadiran setiap kursus/bengkel/latihan ISMS yang dianjurkan oleh pihak Pusat Jaminan Kualiti (CQA) dan meminta wakil yang hadir mewakili peneraju dapat menyalurkan maklumat yang diperolehi semasa program kepada peneraju yang terlibat.	**Semua Peneraju ISMS**	Maklum Balas Pusat Data: Pemantauan kehadiran bagi setiap kursus/ bengkel/ latihan ISMS bagi peneraju Pusat Data telah dilaksanakan.
2.	**4.3.2**	**(c) Minit 3.2** – meminta supaya verifikasi terhadap bukti tindakan kawalan bagi proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2016/2017 dibuat bagi perkara-perkara berikut: (i) surat lantikan kepada pelajar yang bertugas semasa hari pendaftaran; (ii) penggunaan ID sementara oleh pelajar/ staf yang tidak mempunyai ID tetap untuk akses ke Sistem SMP; dan (iii) pegawai yang mencetak dan mengesahkan senarai pelajar adalah pegawai yang sama (ID SMP yang sama).	**Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)**	Telah dilaksanakan. Semua Fasilitator telah diberikan surat lantikan sebagai Fasilitator Universiti sempena Pendaftaran Pelajar Baharu sesi 2017/2018. Fasilitator Universiti tidak diberikan dan tidak dibenarkan akses ID SMP. Hanya staf kolej sahaja yang bertugas semasa hari pendaftaran pelajar baharu telah diberi ID SMP untuk "Y" pengesahan pelajar.

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>Melalui pelaksanaan Sistem e-daftar pada tahun 2017, peneraju boleh mencetak senarai pelajar dimana id pegawai yang telah diberi kebenaran untuk mencetak akan terpapar secara automatik pada setiap muka surat yang dicetak dan tidak perlu lagi ditandatangani pada setiap muka surat sepertimana perlaksanaan sebelum ini.

(iv) komputer yang terlibat dengan proses pendaftaran pelajar diselenggara dan simpan rekod selenggaraan. Untuk pelaksanaan tahun 2017, mesyuarat meminta supaya memo dikeluarkan kepada pihak iDEC untuk memastikan komputer yang terlibat diselenggara oleh Pegawai IT Zon/Fakulti.

(v) turut meminta supaya taklimat kesedaran kepada peneraju ISMS pada masa akan datang mengambilkira maklumat berkaitan penemuan audit dalaman dan audit badan pensijilan.</td>
<td></td>
<td>Telah dilaksanakan. Staf yang mencetak dan mengesahkan senarai pelajar baharu adalah staf BHEP yang mempunyai ID SMP.

Telah dilaksanakan seperti dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Induk Kemasukan Pelajar Baharu sesi 2017/2018.

Telah dilaksanakan peringatan kepada semua pengurus kolej berkaitan penemuan audit dalaman semasa mesyuarat pelaksana Kemasukan Pelajar Baharu sesi 2017/2018.</td>
</tr>
<tr>
<td>2.</td>
<td>4.4</td>
<td>LAPORAN SKOP PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013

4.4.3 meneliti dan bersetuju dengan penetapan skop pensijilan yang akan digunapakai oleh peneraju ISMS termasuk perluasan skop/entiti adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Penyataan Skop</th><th>Pengecualian Skop</th><th>Peneraju</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan</td><td>Pengecualian skop pensijilan ISMS proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah</td><td>Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus</td></tr>
</table>
</td>
<td>Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Peneraju ISMS</td>
<td>Telah dilaksanakan. Maklumat skop pensijilan telah dikemaskini dalam Manual Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) berkuatkuasa pada 26 Mei 2017.</td>
</tr>
</table>

				proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPM Kampus Serdang dan Kampus Bintulu	adalah kepada pendaftaran kursus, *Meal Plan* dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk: i. Pengajian Jarak Jauh; ii. Program untuk Eksekutif; dan iii. Antarabangsa	Serdang dan Kampus Bintulu)		
			2.	Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah	Tiada	Pasukan Pusat Data		
			3.	Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah	Tiada	Pasukan Pusat Data		
			4.	Proses Penilaian	Tiada	Pasukan Penilaian		

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td></td><td>Pengajaran Pensyarah (Program Prasiswazah dan Siswazah)**</td><td></td><td>Pengajaran</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Proses Pengurusan Harta Intelek Universiti Putra Malaysia**</td><td>Pemfailan harta intelek menggunakan Sistem IPonline MyIPO (Perbadanan Harta Intelek Malaysia)</td><td>Pasukan Pengurusan Harta Intelek</td></tr>
<tr><td colspan="4">Nota:
**Skop Pensijilan bagi dua peneraju baharu (item 4 dan 5) tidak akan dimasukkan ke dalam dokumentasi ISMS Tahun 2017 dan hanya akan dikemaskini ke dalam dokumentasi selepas mendapat pengesahan daripada pihak Pengurusan UPM/ Jawatankuasa Kualiti UPM.</td></tr>
</table>
</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>4.4</td><td>4.4.4 mengambil maklum pelajar pra diploma di UPM Kampus Bintulu (UPMKB) tidak termasuk dalam definisi pelajar prasiswazah. Bagaimanapuan, jumlah pelajar pra diploma boleh diambilkira dalam statistik jumlah pelajar yang mendaftar semasa sesi pendaftaran Jun 2017 di UPMKB.</td><td>Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Bintulu)</td><td>Ambil maklum dan telah dilaksanakan.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>4.5</td><td>LAPORAN OBJEKTIF KESELAMATAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013

4.5.2 meneliti dan bersetuju dengan penetapan objektif keselamatan bagi peneraju yang terlibat dengan skop pensijilan sediaada termasuk perluasan entiti ke UPM Kampus Bintulu adalah seperti berikut:

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Penyataan Objektif</th><th>Sasaran pencapaian</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar</td><td>100%</td></tr>
</table>
</td><td>Peneraju ISMS yang berkenaan</td><td></td></tr>
</table>

				mengemukakan tawaran yang sah		Maklumbalas Peneraju Pusat Data 3. Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan - Simulasi DRP telah dilaksanakan pada 12 Mei 2017 - 3 jam 4. Memastikan *Service Level Agreement* (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester - Tiada aduan semasa proses pendaftaran pelajar baharu - 100%
			2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	
			3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	
			4.	Memastikan *Service Level Agreement* (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	
5.	**4.5**	4.5.3	mengambil maklum dan bersetuju *Service Level Agreement* (SLA) bagi objektif keselamatan yang keempat hanya dikira bermula pada hari pendaftaran pelajar (tidak termasuk proses pra pendaftaran melalui Sistem e-daftar yang berlaku sebelum tarikh pendaftaran pelajar baharu prasiswazah).		**Peneraju Pusat Data**	Ambil maklum dan telah dilaksanakan.
6.	**4.5**	4.5.4	bersetuju bahawa objektif 'Memastikan semakan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang- kurangnya sekali setahun' digugurkan atas justifikasi objektif berkenaan merupakan keperluan yang telah digariskan dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013.		**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Peneraju Pusat Data**	Tindakan telah dilaksanakan. Objektif berkenaan telah digugurkan daripada pengukuran Objektif Keselamatan Maklumat ISMS tahun 2017.

7.	**4.5**	4.5.5 bersetuju penyataan objektif bagi Peneraju Pasukan Penilaian Pengajaran dan Peneraju Pengurusan Harta Intelek akan diteliti semula selepas persetujuan diperolehi daripada pihak pengurusan atasan sebelum pelaksanaan kuatkuasa perluasan skop ISMS pada tahun 2018.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Peneraju ISMS yang berkenaan**	Perbincangan bersama dengan Datin Paduka Naib Canselor telah diadakan pada 2 Jun 2017 bagi membincangkan berkaitan penangguhan tarikh kuatkuasa perluasan skop ISMS bagi skop Pengurusan Harta Intelek dan Penilaian Pengajaran dan dipersetujui kedua-dua skop dikuatkuasakan pada Januari 2018. Penelitian semula objektif akan dilaksanakan sebelum tarikh kuatkuasa.
8.	**4.6**	**LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** 4.6.2 meneliti dan bersetuju meluluskan 19 daripada 20 cadangan pindaan dokumen yang dikemukakan dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat dan akan dikuatkuasakan pada tarikh 26 Mei 2017.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC**	Tindakan telah dilaksanakan. Kesemua 19 dokumen yang terlibat telah dikuatkuasakan pada tarikh 26 Mei 2017.
9.	**4.6**	4.6.3 bersetuju cadangan pindaan dokumen bagi *Statement of Applicability* (SoA) ditangguhkan untuk memberi ruang bagi semakan yang lebih terperinci sebelum dibawa dan diluluskan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS (Khas) yang dijadualkan pada 30 Mei 2017.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen (TPKD) IDEC**	Semakan telah dibuat dan dibawa untuk kelulusan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-5 (khas) pada 29 Mei 2017. Dokumen telah dikuatkuasa bermula pada 1 Jun 2017.
10.	**4.7**	**LAPORAN PENILAIAN RISIKO (RA) DAN PELAN PEMULIHAN RISIKO (RTP) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** 4.7.3 meminta setiap peneraju mengenalpasti kategori aset dengan tahap risiko sederhana bagi menentukan punca risiko berlaku dan seterusnya menentukan kaedah kawalan yang bersesuaian bagi risiko berkenaan.	**Peneraju ISMS yang berkenaan**	<u>Maklumbalas Peneraju Pusat Data</u> Rujuk lampiran Laporan penilaian risiko Pusat Data.

11.	**4.7**	4.7.4 meminta setiap peneraju menentukan 'safeguard planning' untuk aset berisiko sederhana dan memilih beberapa 'safeguard planning' untuk dijadikan objektif ISMS untuk dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS akan datang.	**Peneraju ISMS yang berkenaan**	Maklumbalas Peneraju Pusat Data Rujuk lampiran Laporan penilaian risiko Pusat Data
12.	**4.7**	4.7.5 bersetuju meluluskan laporan penilaian risiko (semakan April 2017) sepertimana yang telah dibentang dengan beberapa penambahbaikan yang dicadangkan semasa mesyuarat.	**Penyelaras Penilaian Risiko ISMS/ Peneraju ISMS yang berkenaan**	Tindakan telah dilaksanakan.
13.	**4.8**	**LAPORAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 SETIAP PENERAJU ISMS** 4.8.3 Mesyuarat meminta mana-mana peneraju yang telah membuat pengemaskinian maklumat pada dokumen ini supaya menghantar dokumen yang terkini untuk rujukan dan simpanan pihak sekretariat.	**Peneraju ISMS yang berkenaan**	Maklumbalas Peneraju Pusat Data Rujuk lampiran Laporan pelaksanaan ISMS Pusat Data
14.	**4.9**	**HAL-HAL LAIN** **4.9.1 Perancangan Soal Selidik Pihak Yang berkepentingan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/ IEC 27001:2013 Tahun 2017** (a) Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 akan dilaksanakan secara dua (2) kategori, iaitu: (i) Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu) semasa sesi kemasukan Jun dan September 2017. Penilaian soal selidik ini akan diteruskan kepada pelajar baharu prasiswazah sehingga pihak berkepentingan yang bersesuaian dikenalpasti. Soalan bagi soal selidik akan	**Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)**	Telah dilaksanakan semasa pendaftaran pelajar baharu sesi 2017/2018 di 5 Zon Pendaftaran pelajar. Analisis soal selidik sedang dalam proses peringkat peneraju.

		disediakan oleh peneraju dan akan diserahkan kepada pihak iDEC untuk tujuan pembangunan soal selidik berkenaan secara atas talian; dan (ii) Soal selidik kepada PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data di UPM oleh Peneraju Pusat Data semasa sesi kemasukan September 2017. (b) Mesyuarat meminta supaya kedua-dua peneraju membentangkan mengenai perancangan pelaksanaan soal selidik masing-masing dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti akan datang.	**Peneraju Pasukan Pusat Data** **Peneraju ISMS yang berkenaan**	Emel rasmi kepada setiap Ketua PTJ bagi melengkapkan *survey* telah di hantar pada 15 September 2017. <u>Maklumbalas Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah</u> Perancangan soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 telah dibentangkan dalam Mesyuarat MKSP 2017 pada 23 Ogos 2017. Hasil kaji selidik kini sedang dalam proses analisis data oleh pihak iDEC.
15.	**4.9**	**4.9.2 Status Penutupan Penemuan Audit Dalaman ISMS 2016 (NCR/OFI)** (b) Mesyuarat meminta Peneraju/PTJ yang belum mengambil tindakan ke atas Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) Audit Dalaman ISMS supaya mengambil tindakan segera sebelum pelaksanaan Audit Dalaman ISMS akan datang.	**Peneraju ISMS yang berkenaan**	<u>Maklumbalas Peneraju Pusat Data</u> Rujuk lampiran Laporan penutupan penemuan audit dalaman ISMS Pusat Data.
16.	**4.9**	**4.9.3 Persediaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2017** (b) Mesyuarat meminta supaya UPM Kampus Bintulu (UPMKB) turut diaudit pada 5 Jun 2017 memandangkan tarikh berkenaan bersamaan dengan hari pendaftaran Pelajar Baharu Diploma di UPMKB. Mesyuarat meminta pertimbangan Pusat Jaminan Kualiti untuk menghantar seorang Juruaudit Dalaman ISMS yang terlatih untuk melaksanakan pemerhatian dan audit proses di UPMKB	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti**	Juruaudit Dalaman UPM iaitu Puan Hashimah Amat Sejani telah dihantar untuk membuat pemerhatian dan audit semasa hari pendaftaran Pelajar Baharu Diploma di UPMKB.

LAMPIRAN B

TINDAKAN SUSULAN BAGI PERKARA BERBANGKIT
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS), KALI KELIMA (KHAS) PADA 29 MEI 2017

BIL	MINIT	AGENDA	TINDAKAN	STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN
1.	5.2	**LAPORAN DOKUMENTASI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013** **-PERUBAHAN DOKUMEN *STATEMENT OF APPLICABILITY* (SOA)**		
		5.2.3 bersetuju meluluskan cadangan perubahan *Statement of Applicability (SoA)* untuk dikuatkuasakan pada 1 Jun 2017 dengan skop dokumentasi dipinda daripada 'Operasi Perkhidmatan Sokongan (OPR)' kepada 'Sokongan (SOK)' memandangkan ianya merupakan dokumen utama yang akan dirujuk oleh semua PTJ/entiti yang melaksanakan ISMS di UPM.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen iDEC**	Telah dilaksanakan. Dokumen *Statement of Applicabilty* telah dipinda ke skop Sokongan berkuatkuasa pada tarikh 1 Jun 2017.
		5.2.4 meminta supaya maklumat perubahan terkini dokumen SoA dihebahkan melalui emel kepada semua PTJ/entiti yang terlibat.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti**	Maklumat perubahan terkini SoA (kuatkuasa 1 Jun 2017) telah dihebahkan kepada semua peneraju ISMS/entiti sokongan lain terlibat melalui emel pada 1 Jun 2017.
2.	5.3	**HAL-HAL LAIN** **5.3.1 Persediaan Audit Dalaman ISMS 2017**		
		(b) mengambil maklum bagi pendaftaran pelajar baharu prasiswazah tahun 2017 menggunakan Sistem e-daftar, semua kaunter termasuk kaunter semakan tidak lagi diperlukan. Bagaimanapun, proses verifikasi maklumat pelajar yang	**Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah**	Telah dilaksanakan. Senarai semak telah digunapakai pada pendaftaran pelajar baharu 6 September 2017 dan telah diedarkan di 5 Zon Pendaftaran.

			mendaftar perlu dilaksanakan bagi memastikan pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang sebenar. Bagi memastikan perkara ini dikawal, satu senarai semak akan dibangunkan oleh peneraju proses terlibat untuk edaran ke semua kolej kediaman.		
		(c)	mengambil maklum satu lawatan pemerhatian akan dibuat ke atas proses pendaftaran pelajar baharu Program Asasi Sains Pertanian pada 1 Jun 2017. Hasil lawatan pemerhatian berkenaan akan dikongsi dengan pihak UPMKB untuk tujuan penambahbaikan bagi proses pendaftaran pelajar baharu diploma di Kampus Bintulu pada 5 Jun 2017.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Penyelaras Audit Dalam**	Dapatan hasil lawatan pemerhatian proses pendaftaran pelajar baharu Program Asasi Sains Pertanian telah dikongsikan oleh Juruaudit Dalaman UPM yang ditugaskan untuk membuat pemerhatian dan audit proses pendaftaran pelajar baharu Diploma di UPMKB.
		(d)	meminta supaya satu sesi penerangan ringkas diberikan oleh Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) berkaitan aliran proses e-daftar kepada ahli mesyuarat atau Juruaudit Dalaman ISMS yang terlibat sejurus sebelum proses lawatan pemerhatian diadakan pada 1 Jun 2017.	**Sekretariat Pusat Jaminan Kualiti/ Penyelaras Audit Dalam/Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang)**	Penerangan ringkas berkaitan aliran proses e-daftar telah disampaikan oleh Puan Suhana Md Chairi mewakili Peneraju Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang) sebelum lawatan pemerhatian diadakan pada 1 Jun 2017.

LAMPIRAN C

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KEENAM

LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
TAHUN 2017

1. TUJUAN

Kertas ini adalah untuk mendapat pengesahan dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 bagi tahun 2017.

2. LATARBELAKANG

Pihak Pengurusan UPM telah menetapkan Objektif Keselamatan Maklumat yang bersesuaian dengan fungsi yang terlibat bagi memastikan semua data dan maklumat di UPM adalah selamat. Dalam usaha memastikan ISMS dilaksana dengan berkesan, Objektif Keselamatan Maklumat telah dikenalpasti sepertimana berikut:

a) Memastikan semakan penilaian risiko dan pelan pemulihan risiko dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun;
b) Menjalankan ujian simulasi pelan pemulihan bencana ICT sekurang-kurangnya 1 kali setahun;
c) Memastikan 95% sokongan ICT (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester;
d) Memastikan 100% pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang mendapat tawaran; dan
e) Memastikan 100% borang permohonan kad pelajar yang diterima diisi dengan lengkap.

Pada tahun 2017, Objektif Keselamatan Maklumat telah disemak dan dikemaskini semula mengambilkira aktiviti perluasan skop ISMS yang melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu (UPMKB) bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah. Penetapan objektif ISMS yang

baharu ini telah dikemaskini dalam Manual Kualiti Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) dan telah dibawa untuk kelulusan bersama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke - 33 (Khas) Secara Edaran yang diadakan pada 22 Mei 2017 dan telah dikuatkuasa bermula 26 Mei 2017.

Perincian mengenai laporan pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat yang baharu bagi tahun 2017 adalah seperti pada **Lampiran 1.**

3. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan sepertimana berikut:

i) mengambil perhatian terhadap perubahan terhadap Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2017 yang mula dipantau dan diukur keberkesanannya bermula pada 26 Mei 2017; dan

ii) mengesahkan pencapaian kesemua Objektif Keselamatan Maklumat bagi tahun 2017.

Lampiran 1

LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN KESELAMATAN MAKLUMAT
TAHUN 2017

BIL	OBJEKTIF KESELAMATAN MAKLUMAT	SASARAN	PENERAJU	PENCAPAIAN 2016	PENCAPAIAN (2017)
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	100%	100%
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	Objektif baharu 2017	100% (UPM Serdang) 98% (UPM Bintulu)
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Objektif baharu 2017	Simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 telah berjaya dilaksanakan pemulihan selepas 3 jam
4.	Memastikan *Service Level Agreement* (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data	Objektif baharu 2017	100%

LAMPIRAN D

MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013
KALI KEENAM

LAPORAN DOKUMENTASI ISMS:
CADANGAN PINDAAN DOKUMEN (CPD)

1. TUJUAN

Kertas ini adalah untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kali Keenam berkaitan cadangan pindaan dokumen ISMS iaitu *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA).

2. CADANGAN PINDAAN DOKUMEN

Cadangan perubahan ke atas *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA) adalah berdasarkan penambahbaikan yang perlu dilaksana hasil dapatan audit dalaman ISMS dan juga perubahan terkini yang berlaku dalam proses pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat oleh peneraju/entiti yang terlibat.

Perincian mengenai huraian pindaan dokumen boleh dirujuk pada **Lampiran 1**.

3. SYOR

Ahli mesyuarat diminta mengambil tindakan sepertimana berikut:

i) mengambil perhatian terhadap pindaan *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA); dan

ii) meluluskan cadangan pindaan *Statement of Applicability* (UPM/ISMS/OPR/SOA) untuk dikuatkuasakan pada 13 Oktober 2017.

HURAIAN PINDAAN DOKUMEN ISO UPM

No. CPD	Pemilik Proses	Huraian Pindaan Dokumen *		Tambahan (T) / ~~Pemotongan~~ (P)
		Asal	**Pindaan**	
ISMS (IDEC): 5/2017	**iDEC**	Nama Dokumen: STATEMENT OF APPLICABILITY Kod Dokumen:UPM/ISMS/SOK/SOA No. Isu:_01_, No. Semakan:_10_, Tarikh Kuatkuasa: 01/06/2017	Nama Dokumen: STATEMENT OF APPLICABILITY Kod Dokumen:UPM/ISMS/SOK/SOA No. Isu:_02_, No. Semakan:_00_, Tarikh Kuatkuasa: 13/10/2017	
		1.0 PENGENALAN Dokumen penyataan pemakaian *Statement of Applicability (*SoA) menggariskan *control objectives* dan *controls* di Annex A dalam Standard ISO/IEC 27001:2013 selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Universiti Putra Malaysia.	**1.0 PENGENALAN** Dokumen penyataan pemakaian *Statement of Applicability (*SoA) menggariskan *control objectives* dan *controls* di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 selaras dengan keperluan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di Universiti Putra Malaysia.	
		3.0 PROSES PENYATAAN PEMAKAIAN *(*SoA) **3.1 PENYEDIAAN SoA** Proses yang terlibat dalam penyediaan SoA merangkumi: (a) Memahami keperluan SoA dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013. (b) Menyediakan kandungan SoA dengan mengambil kira aspek berikut: (i) Menyenaraikan semua *control objectives dan controls* di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013; (d) ~~Mendapat kelulusan dan tandatangan pihak pengurusan yang bertanggungjawab ke atas skop Pensijilan ISMS.~~	**3.0 PROSES PENYATAAN PEMAKAIAN *(*SoA)** **3.1 PENYEDIAAN SoA** Proses yang terlibat dalam penyediaan SoA merangkumi: (a) Memahami keperluan SoA dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013. (b) Menyediakan kandungan SoA dengan mengambil kira aspek berikut: (i) Menyenaraikan semua *control objectives dan controls* di Annex A dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013;	

		4.0 JADUAL PENYATAAN PEMAKAIAN *(SoA)* SoA di **LAMPIRAN A** menyediakan ringkasan keputusan berkaitan ~~penguraian~~ risiko (*risk treatment*). Sebarang c*ontrol objectives dan controls* yang **tidak dipilih** diberikan alasan pengecualiannya bagi memastikan suatu kawalan tidak sengaja diabaikan.	**4.0 JADUAL PENYATAAN PEMAKAIAN *(SoA)*** SoA di **LAMPIRAN A** menyediakan ringkasan keputusan berkaitan pemulihan risiko (*risk treatment*). Sebarang c*ontrol objectives dan controls* yang **tidak dipilih** diberikan alasan pengecualiannya bagi memastikan suatu kawalan tidak sengaja diabaikan.	
		~~**Jadual 1**~~**: SoA Pensijilan ISO/IEC 27001:2013 ISMS Universiti Putra Malaysia**	**Lampiran A: SoA Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 ISMS Universiti Putra Malaysia**	
		SEC : A.5.1.1 Current Control : • Dasar ISMS UPM • ~~Prosedur Kawalan Dokumen dan Rekod (UPM/PGR/P001)~~ • ~~Prosedur Audit Dalaman ISO (UPM/PGR/P004)~~ • ~~Prosedur Kawalan Ketakakuran, Tindakan Pembetulan, Tindakan Pencegahan Dan Peluang Penambahbaikan (UPM/PGR/P003)~~	SEC : A.5.1.1 Current Control : • Dasar ISMS UPM • Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) •	
		SEC : A.5.1.2 Current Control : • Dasar ISMS UPM • ~~Prosedur Kawalan Dokumen dan Rekod (UPM/PGR/P001)~~	SEC : A.5.1.2 Current Control : • Dasar ISMS UPM • Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP)	
		SEC : A.6.1.2 Current Control : • ~~GPKTMK (12.1 c) Pengasingan Tugas Dan Tanggungjawab~~	SEC : A.6.1.2 Current Control : • Senarai tugas staf UPM	
		SEC : A.6.1.3 Current Control : • ~~Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP)~~ • ~~Pelan Komunikasi krisis~~ • ~~Pelan Tindak Balas Insiden~~ • ~~Pelan Pemulihan Bencana ICT (DRP ICT)~~ • ~~Pengauditan OSHA~~	SEC : A.6.1.3 Current Control : • Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 Pindaan 2012 • Perlembagaan Universiti Putra Malaysia • Kaedah-kaedah Universiti	

		SEC : A.6.2.2 Justification : ~~Pentadbir Sistem dibenarkan untuk akses dari luar UPMNET. Akses dari UPMNET hanya dibenarkan dari workstation Pentadbir Sistem yang terkawal~~	SEC : A.6.2.2 Justification : Memastikan kawalan capaian kepada sistem (teleworking) oleh staf yang dibenarkan sahaja.	
		SEC : A.7.2.2 Owner : Pejabat Pendaftar	SEC : A.7.2.2 Owner : Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar	**T**
		SEC : A.7.3.1 Owner : Pejabat Pendaftar	SEC : A.7.3.1 Owner : Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar	**T**
		SEC : A.9.2.1 Current Control : • GPKTMK Perkara 9.2 : Pengurusan Capaian Pengguna • Prosedur Kawalan dan Pemantauan Capaian ke Sistem di Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/P003) • Garis Panduan Pemantauan Capaian Ke Sistem (UPM/ISMS/OPR/GP06/PEMANTAUAN CAPAIAN)	SEC : A.9.2.1 Current Control : • GPKTMK Perkara 9.2 : Pengurusan Capaian Pengguna • Prosedur Kawalan dan Pemantauan Capaian ke Sistem di Pusat Data (UPM/ISMS/OPR/P003) • Garis Panduan Pemantauan Capaian Ke Sistem (UPM/ISMS/OPR/GP06/PEMANTAUAN CAPAIAN) • Garis Panduan Pengurusan Identiti (UPM/ISMS/SOK/GP07/IDENTITI) • Garis Panduan Pengurusan Identiti Pengguna (ID) Sistem Maklumat Pelajar	
